

Praktis 3: Kata Bilangan dan Penjodoh Bilangan

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garis kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Meskipun pelbagai amaran sudah diberikan, masih ada setengah pelajar yang ponteng sekolah sehingga dua atau tiga hari dalam seminggu.

- (ii) Antara barangan hantaran daripada pihak pengantin lelaki termasuklah seutas jam tangan, sepasang anting-anting, dan sebutir cincin berlian.

- (iii) Ketiga pelajar itu telah mengharumkan nama sekolah apabila mereka dinobatkan sebagai johan pertandingan debat.

- (iv) Sebilangan orang penduduk miskin di kampung tersebut menerima bantuan kewangan daripada pihak kerajaan.

- (v) Majlis rumah terbuka dapat memupuk perpaduan dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum.

- (vi) Sebagai akibat sikap pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab, beberapa projek-projek perumahan di kawasan tersebut terbengkalai.

Praktis 4: Kata Sendi

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garis kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Di antara punca para pelajar tidak mendapat kelulusan yang cemerlang dalam peperiksaan termasuklah tidak memberikan perhatian sepenuhnya kepada pengajaran guru.

- (ii) "Pinggan mangkuk yang dibuat dari tembikar ini diimport dari Perancis," kata jurujual itu kepada ibu.

- (iii) Zuhri berasa kagum dengan persembahan tarian yang dipersembahkan oleh kanak-kanak di Tadika Kemas tersebut.

- (iv) "Borang pendaftaran ini harus diserahkan ke pegawai yang bertugas pada hari ini," kata Encik Harjit.

- (v) Novel yang baru dibeli oleh Sumira ada dengan Salmiah.

- (vi) Di musim tengkujuh, para nelayan tidak turun ke laut kerana angin bertiup dengan kencangnya.
